

# Penyata Kewangan

Laporan Pengarah	84
Penyata Para Pengarah	89
Akuan Berkanun	89
Laporan Juruaudit	90
Lembaran Imbangan	91
Penyata Pendapatan	93
Akaun Pendapatan Insurans Semula Am	94
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	95
Lembaran Imbangan Dana Takaful Am	96
Akaun Pendapatan Takaful Am	97
Lembaran Imbangan Dana Takaful Keluarga	98
Akaun Pendapatan Takaful Keluarga	99
Penyata Aliran Tunai	100
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	102

# Laporan Pengarah

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan yang telah diaudit bagi Kumpulan dan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007.

## Aktiviti Utama

Aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan kepada anak-anak syarikatnya.

Aktiviti utama anak-anak syarikat, termasuk yang ditubuhkan pada tahun ini telah dinyatakan dalam Nota 8 penyata kewangan. Tiada perubahan ketara dalam sifat kegiatan utama Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan ini.

## Keputusan

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun semasa yang boleh diagih kepada pemegang saham	129,479	131,312

Tiada pemindahan material dari atau ke dalam rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain daripada yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

Pada pendapat para pengarah, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan ini tidak terjejas oleh mana-mana item, urusaniaga atau peristiwa yang material dan luar biasa.

## Penerbitan Saham

Pada tahun kewangan ini, Syarikat telah meningkatkan modal saham terbitan dan dibayarnya daripada RM208,908,000 kepada RM211,866,000 melalui penerbitan 2,958,000 saham biasa bernilai of RM1.00 sesaham untuk wang tunai selaras dengan Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") pada harga pelaksanaan antara RM2.84 dan RM2.98 sesaham biasa.

Saham biasa baru yang diterbitkan pada tahun kewangan semasa mempunyai taraf yang sama dalam semua perkara berhubung saham biasa sedia ada Syarikat.

## Dividen

Amaun dividen yang dibayar oleh Syarikat sejak 31 Mac 2006 adalah seperti berikut:

	RM'000
Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2006 seperti yang dilaporkan dalam laporan pengarah tahun tersebut:	
Dividen akhir sebanyak 20% ditolak 28% cukai, dibayar pada 24 Ogos 2006	30,375
Berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007:	
Dividen interim pertama sebanyak 15% dikecualikan cukai, dibayar pada 26 Disember 2006	31,730
Dividen interim kedua sebanyak 5% ditolak 27% cukai, dibayar pada 30 Mac 2007	7,733
	<u>69,838</u>

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang akan datang, dividen akhir berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007, sebanyak 26% ditolak 27% cukai atas 211,866,000 saham biasa, membawa kepada dividen perlu dibayar berjumlah RM40,212,000 (18.98 sen bersih sesaham biasa) akan dicadangkan untuk kelulusan para pemegang saham. Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa tidak menunjukkan dividen yang dicadangkan ini. Dividen sedemikian, jika diluluskan oleh para pemegang saham, akan diambil kira dalam ekuiti sebagai pembahagian keuntungan tertahan pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008.

## Peruntukan Tuntutan Tertunggak

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbalan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan bahawa terdapat peruntukan secukupnya dibuat untuk tuntutan yang ditanggung termasuk Tuntutan Yang Ditanggung Tetapi Tidak Dilaporkan ("IBNR").

### Skim Opsyen Saham Kakitangan

Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS") Syarikat dikawal oleh Undang-undang Kecil yang diluluskan oleh para pemegang saham semasa Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 22 Mei 2003.

Ciri-ciri utama ESOS adalah seperti berikut:

- ESOS akan berkuatkuasa bagi tempoh lima tahun dari 25 Julai 2003, iaitu tarikh surat pengesahan oleh Penasihat kepada Suruhanjaya Sekuriti ("SC") yang menyatakan bahawa Syarikat telah memenuhi syarat SC untuk pengesahan Skim, bahawa Undang-undang Kecil tidak menyalahi garis panduan ESOS dan bahawa kelulusan yang berkaitan telah diperolehi, bersama-sama salinan Undang-undang Kecil ESOS akhir kepada SC.
- Individu yang layak adalah kakitangan Kumpulan (termasuk pengarah eksekutif) yang jawatannya dalam Kumpulan telah disahkan ("kakitangan yang layak"). Kelayakan untuk menyertai ESOS adalah menurut budi bicara Jawatankuasa ESOS yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Selain daripada itu, Jawatankuasa Audit akan mengkaji pengagihan ESOS demi memastikan pematuhan dengan kriteria yang ditetapkan dalam Undang-undang Kecil ESOS.
- Jumlah bilangan saham yang perlu diterbitkan di bawah ESOS tidak akan melebihi agregat 10% daripada modal saham Syarikat yang sudah diterbitkan dan berbayar pada bila-bila masa dan semasa tempoh ESOS ini.
- Harga opsyen bagi setiap saham hendaklah nilai yang lebih tinggi daripada purata wajaran harga pasaran lima hari bagi saham yang mendasari semasa opsyen ini diberikan, dengan diskaun yang tidak lebih daripada 10%, atau nilai tara saham Syarikat iaitu RM1.00.
- Tiada opsyen akan diberikan untuk kurang daripada 1,000 saham atau lebih daripada 500,000 saham kepada mana-mana kakitangan yang layak.
- Opsyen yang diberikan di bawah ESOS akan boleh dilaksanakan oleh penerima opsyen dengan notis secara bertulis kepada Syarikat bermula pada tarikh tawaran tetapi sebelum tamat tempoh lima tahun dari 25 Julai 2003.
- Semua saham biasa yang diterbitkan selepas pelaksanaan opsyen yang diberikan di bawah ESOS akan bertaraf pari passu dalam semua hubungan dengan saham biasa Syarikat yang sedia ada selain daripada yang mungkin ditetapkan dalam resolusi meluluskan pengagihan dividen sebelum tarikh-tarikh pelaksanaannya.

#### Bilangan Opsyen Saham di Bawah ESOS bernilai RM1.00 sesaham

Tarikh tawaran	Harga pelaksanaan	Pada 1 April 2006	Diberikan	Dilaksanakan	Pada 31 Mac 2007
	RM				
19 Ogos 2003	2.87	1,968,000	–	1,108,000	<b>860,000</b>
24 Mei 2004	2.84	2,295,000	–	1,604,000	<b>691,000</b>
24 Jun 2004	2.98	371,000	–	246,000	<b>125,000</b>

Butir-butir pelaksanaan opsyen saham sepanjang tahun kewangan dan nilai saksama, pada tarikh pelaksanaan, bagi saham biasa yang diterbitkan adalah seperti berikut:

Tarikh Pelaksanaan	Harga Pelaksanaan	Nilai Saksama Saham Biasa	Bilangan Opsyen Saham	Balasan Diterima
	RM	RM	'000	RM'000
<b>2007</b>				
April 2006 – Mac 2007	<b>2.87</b>	<b>3.70 - 4.88</b>	<b>1,108</b>	<b>3,180</b>
	<b>2.84</b>	<b>3.70 - 4.88</b>	<b>1,604</b>	<b>4,555</b>
	<b>2.98</b>	<b>3.70 - 4.88</b>	<b>246</b>	<b>733</b>
			<b>2,958</b>	<b>8,468</b>
Tolak nilai tara saham biasa				<b>(2,958)</b>
Premium saham				<b>5,510</b>

### Pengarah

Nama para pengarah Syarikat yang berkhidmat sejak tarikh laporan terakhir dan pada tarikh laporan ini adalah:

Encik Mohammad bin Abdullah  
 Encik Anuar bin Mohd Hassan  
 Encik P. Raveenderen  
 Y. Bhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awalluddin  
 Tuan Haji Yusoff bin Yaacob  
 Y. Bhg. Datuk Haji Mohd Khalil bin Dato' Haji Mohd Noor  
 Encik Sharkawi bin Alis  
 Encik Azhar bin Abdul Wahab  
 Tuan Haji Megat Dziauddin bin Megat Mahmud (dilantik pada 24 Ogos 2006)  
 Y. Bhg. Dato' Mohd. Taufik bin Datuk Abdullah (meletakkan jawatan pada 27 Julai 2006)

Selaras dengan Artikel 86 dari Tataurusian Pertubuhan Syarikat, Y. Bhg. Dato' Syed Ariff Fadzillah bin Syed Awalluddin, Tuan Haji Yusoff bin Yaacob dan Y. Bhg. Dato' Haji Mohd. Khalil bin Dato' Haji Mohd. Noor bersara mengikut giliran dan, kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dipilih semula.

Selaras dengan Artikel 90 Tataurusian Pertubuhan Syarikat, Tuan Haji Megat Dziauddin bin Megat Mahmud bersara menurut giliran dan, kerana layak, menawarkan dirinya untuk dipilih semula.

### Manfaat Pengarah

Tidak terdapat apa-apa pengaturanan yang melibatkan Syarikat sebagai satu pihak, sama ada pada akhir tahun kewangan, mahu pun pada bila-bila masa sepanjang tahun tersebut, di mana para pengarah mungkin memperoleh manfaat dengan cara pemerolehan saham dalam atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat lain, selain daripada yang timbul daripada opsyen saham yang diberikan di bawah ESOS.

Sejak akhir tahun kewangan lalu, tiada pengarah telah menerima atau menjadi layak untuk menerima ganjaran (selain daripada ganjaran yang termasuk dalam jumlah agregat emolumen yang diterima atau akan diterima oleh para pengarah seperti yang ditunjukkan dalam Nota 29 dan 30 bagi penyata kewangan ini atau gaji tetap dan faedah yang belum diterima sebagai pekerja sepenuh masa bagi anak syarikat insurans semula hasil daripada kontrak yang dibuat oleh Syarikat dengan mana-mana pengarah atau syarikat yang pengarah tersebut menjadi ahli, atau dengan syarikat yang pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

### Kepentingan Pengarah

Menurut daftar pemegangan saham pengarah, kepentingan para pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan dalam saham dan opsyen atas saham dalam Syarikat sepanjang tahun kewangan ini adalah seperti berikut:

	Bilangan Saham Biasa bernilai RM1.00 Sesaham			31 Mac 2007
	1 April 2006	Dibeli	Dijual	
<b>Kepentingan Secara Langsung:</b>				
Encik Mohammad bin Abdullah	10,000	–	–	<b>10,000</b>
Encik Anuar bin Mohd Hassan	25,000	400,000	225,000	<b>200,000</b>
Encik P. Raveenderen	10,000	–	–	<b>10,000</b>
Y. Bhg. Datuk Haji Mohd Khalil bin Dato' Haji Mohd Noor	–	5,000	–	<b>5,000</b>

**Keputusan Pengarah (Samb.)**

Selain daripada yang dinyatakan di atas, pengarah berikut dianggap sebagai mempunyai kepentingan dalam saham Syarikat setakat opsiyen saham yang diberikan kepadanya menurut ESOS Syarikat yang telah dilaksanakan pada 25 Julai 2003, seperti berikut:

	<b>Bilangan Opsyen Saham di Bawah ESOS bernilai RM1.00 Sesaham</b>				
	<b>Harga pelaksanaan RM</b>	<b>Pada 1 April 2006</b>	<b>Diberikan</b>	<b>Dilaksanakan</b>	<b>Pada 31 Mac 2007</b>
Encik Anuar bin Mohd Hassan	2.87	200,000	-	100,000	<b>100,000</b>
	2.84	300,000	-	300,000	-

Selain daripada yang dinyatakan di atas, tiada pengarah yang menyandang jawatan ini pada penghujung tahun kewangan semasa mempunyai apa-apa kepentingan dalam saham Syarikat atau badan korporat yang berkaitan dengannya sepanjang tahun kewangan semasa.

**Peristiwa-Peristiwa Penting**

Peristiwa-peristiwa penting sepanjang tahun kewangan semasa dinyatakan dalam Nota 37 dalam penyata kewangan ini.

**Lain-lain Maklumat Berkanun**

- (a) Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah yang berpatutan:
- (i) untuk memastikan tindakan yang wajar telah diambil berkaitan pelupusan hutang lapuk dan peruntukan untuk hutang ragu telah dibuat dan meyakini diri mereka sendiri bahawa tiada hutang lapuk yang diketahui masih wujud dan bahawa peruntukan yang memadai telah dibuat untuk hutang ragu; dan
  - (ii) untuk memastikan yang apa-apa aset semasa yang mana-mana aset semasa yang tidak mungkin dapat direalisasikan nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod perakaunan dalam perjalanan biasa urusan perniagaan telah dikurangkan kepada jumlah yang dijangka boleh direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari apa-apa keadaan yang boleh menyebabkan:
- (i) perlunya pelupusan mana-mana hutang lapuk atau jumlah yang diperuntukkan untuk hutang ragu tidak memadai pada tahap yang ketara; dan
  - (ii) nilai yang diperuntukkan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari apa-apa keadaan yang telah timbul yang menyebabkan pematuhan terhadap kaedah semasa penilaian aset atau liabiliti bagi Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para pengarah tidak menyedari apa-apa keadaan yang jika tidak terkandung dalam laporan ini atau dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang akan menyebabkan jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tiada wujud:
- (i) apa-apa cagaran ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana individu lain; atau
  - (ii) apa-apa liabiliti kontingen Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan semasa.

## Laporan Pengarah

### Lain-lain Maklumat Berkanun (Samb.)

- (f) Pada pendapat para pengarah:
- (i) tiada liabiliti bersyarat atau lain-lain liabiliti yang berkuatkuasa atau mungkin berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhirnya tahun kewangan semasa yang akan atau boleh menjejaskan keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk memenuhi kewajipan bila tiba masanya. Untuk tujuan perenggan ini, liabiliti atau liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang timbul daripada insurans semula atau kontrak takaful yang ditaja jamin dalam perjalanan biasa perniagaan anak-anak syarikat insurans semula dan takaful; dan
  - (ii) tiada perkara, urusan atau peristiwa yang bersifat material atau luar biasa telah timbul dalam tempoh antara akhir tahun kewangan semasa dan tarikh laporan ini yang mungkin menjejaskan keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat secara ketara untuk tahun kewangan yang laporan ini dibuat.

### Juruaudit

Juruaudit, Ernst & Young, telah menyatakan kesediaan untuk terus berkhidmat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah.

**Mohammad bin Abdullah**

**Anuar bin Mohd Hassan**

Kuala Lumpur, Malaysia  
28 Mei 2007

# Penyata Para Pengarah

menurut Seksyen 169(15) Akta Syarikat, 1965

Kami, Mohammad bin Abdullah dan Anuar bin Mohd. Hassan, dua orang daripada pengarah MNRB Holdings Berhad, adalah dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para pengarah, penyata kewangan yang mengiringi yang dibentangkan pada halaman 91 hingga 157 telah disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Standard Pelaporan Kewangan yang diterima pakai di Malaysia agar memberi gambaran benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2007 dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi para pengarah.

**Mohammad bin Abdullah**

**Anuar bin Mohd Hassan**

Kuala Lumpur, Malaysia  
28 Mei 2007

# Akuan Berkanun

menurut Seksyen 169(16) Akta Syarikat, 1965

Saya, Norazman bin Hashim, pegawai yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan MNRB Holdings Berhad, dengan tulus ikhlas dan sesungguhnya menyatakan bahawa penyata kewangan mengiringi yang dibentangkan di muka surat 91 hingga 157 adalah pada pendapatan dan keyakinan saya, dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh )  
Norazman bin Hashim di )  
Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan )  
pada 28 Mei 2007. ) **Norazman bin Hashim**

Di hadapan saya,

**Soh Ah Kau @ Soh Khoon Poh W315**  
Pesuruhjaya Sumpah

# Laporan Juruaudit

kepada ahli-ahli MNRB Holdings Berhad (Ditubuhkan di Malaysia)

Kami telah mengaudit penyata kewangan yang dibentangkan pada halaman 91 hingga 157. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat.

Adalah tanggungjawab kami untuk membentuk pendapat bebas, berdasarkan audit kami, ke atas penyata kewangan tersebut dan untuk melaporkan pendapat kami kepada anda, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174 Akta Syarikat, 1965 dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana individu untuk isi kandungan laporan ini.

Kami telah melaksanakan audit kami menurut Standard Pengauditan yang Diluluskan yang diterima pakai di Malaysia. Standard ini memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah kenyataan yang material. Audit termasuk memeriksa, atas dasar ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan tersebut. Audit juga merangkumi menilai prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran penting yang dibuat oleh para pengarah, di samping menilai pembentangan penyata kewangan ini secara keseluruhan. Kami percaya bahawa audit kami menyediakan asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kami berpendapat bahawa:

- (a) penyata kewangan ini telah disediakan dengan wajar menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Standard Pelaporan Kewangan yang diterima pakai di Malaysia agar memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai:
  - (i) kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2007 dan mengenai keputusan dan aliran tunai bagi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut; dan
  - (ii) perkara yang diperlukan menurut Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 yang perlu ditangani dalam penyata kewangan tersebut; dan
- (b) rekod perakaunan dan rekod lain dan daftar yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat dan subsidiarinya, yang kami telah bertindak ke atasnya sebagai juruaudit telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan Akta tersebut.

Kami berpuas hati bahawa penyata kewangan anak-anak syarikat yang telah disatukan dengan penyata kewangan syarikat dalam bentuk dan kandungan yang bersesuaian dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sepertimana diperlukan oleh kami bagi tujuan-tujuan tersebut.

Laporan juruaudit tentang penyata kewangan anak-anak syarikat tidak tertakluk kepada sebarang pengecualian dan tidak merangkumi apa-apa ulasan yang perlu di buat di bawah Seksyen 174(3) Akta tersebut.

**Ernst & Young**

AF: 0039

Akauntan Bertauliah

**Abdul Rauf bin Rashid**

No. 2305/05/08(J)

Rakan Kongsi

Kuala Lumpur, Malaysia

28 Mei 2007

# Lembaran Imbangan

pada 31 Mac 2007

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2007 RM'000	2006 RM'000 (Dinyatakan semula)	2007 RM'000	2006 RM'000
<b>ASET</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	3	116,049	116,897	-	-
Hartanah pelaburan	4	32,400	31,167	-	-
Bayaran pajakan tanah prabayar	5	5,306	5,400	-	-
Aset tidak ketara	6	11,022	5,818	-	-
Aset cukai tertunda	7	10,587	8,300	-	-
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	8	-	-	580,000	480,000
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	121,867	123,797	1,957	-
Pelaburan:					
- Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	10(a)	387,870	257,538	100,678	76,688
- Lain-lain pelaburan	10(b)	875,068	964,480	1,893	60,329
Pinjaman kepada anak syarikat	11	-	-	-	20,000
Pinjaman boleh diterima	12	14,041	14,713	647	691
Amaun boleh diterima	13	126,865	104,824	324	748
Terhutang daripada anak-anak syarikat	14	-	-	7,912	25
Cukai boleh diterima kembali		198	-	186	-
Tunai dan baki bank		1,055	1,305	4	10
<b>Jumlah perniagaan insurans semula am dan aset dana pemegang saham</b>		<b>1,702,328</b>	1,634,239	<b>693,601</b>	638,491
<b>Aset dana takaful am (halaman 96)</b>		<b>76,821</b>	54,370	-	-
<b>Aset dana takaful keluarga (halaman 98)</b>		<b>183,887</b>	83,702	-	-
<b>Jumlah aset</b>		<b>1,963,036</b>	1,772,311	<b>693,601</b>	638,491
<b>LIABILITI</b>					
Peruntukan tuntutan tertunggak	15	596,261	579,224	-	-
Amaun perlu dibayar	16	52,061	52,267	1,972	863
Terhutang kepada anak-anak syarikat	14	-	-	-	121
Peruntukan cukai		4,298	34,274	-	15,820
Zakat		13	4	-	-
<b>Jumlah perniagaan insurans semula am dan liabiliti dana pemegang saham</b>		<b>652,633</b>	665,769	<b>1,972</b>	16,804
<b>Liabiliti dana takaful am (halaman 96)</b>		<b>42,442</b>	32,176	-	-
<b>Liabiliti dana takaful keluarga (halaman 98)</b>		<b>28,591</b>	20,806	-	-
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>723,666</b>	718,751	<b>1,972</b>	16,804
<b>RIZAB INSURANS</b>					
Rizab premium belum diperolehi	18	241,218	220,667	-	-

## Lembaran Imbangan

pada 31 Mac 2007 (Samb.)

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2007 RM'000	2006 RM'000 (Dinyatakan semula)	2007 RM'000	2006 RM'000
<b>EKUITI</b>					
Modal saham	19	<b>211,866</b>	208,908	<b>211,866</b>	208,908
Rizab		<b>596,611</b>	538,895	<b>479,763</b>	412,779
<b>Jumlah ekuiti yang boleh diagih pemegang ekuiti Syarikat</b>		<b>808,477</b>	747,803	<b>691,629</b>	621,687
<b>DANA TAKAFUL</b>					
Dana takaful am	21	<b>34,379</b>	22,194	-	-
Dana takaful keluarga	23	<b>149,686</b>	62,896	-	-
Dana berkaitan pelaburan		<b>5,610</b>	-	-	-
<b>Jumlah dana takaful</b>		<b>189,675</b>	85,090	-	-
<b>Jumlah liabiliti, rizab insurans, ekuiti dan dana takaful</b>		<b>1,963,036</b>	1,772,311	<b>693,601</b>	638,491

Nota yang mengiringi ini membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Penyata Pendapatan

bagi tahun berakhir 31 Mac 2007

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2007 RM'000	2006 RM'000	2007 RM'000	2006 RM'000
<b>Pendapatan operasi</b>	24	<b>835,620</b>	748,694	<b>152,997</b>	9,194
Dana Pemegang saham:					
Al Wakalah (defisit)/lebih yang timbul daripada operasi:					
Dana takaful am	25	<b>(5,093)</b>	(1,250)	-	-
Dana takaful keluarga	25	<b>8,007</b>	2,071	-	-
Lebih caj pentadbiran dipindahkan daripada dana takaful:					
Dana takaful am		<b>1,226</b>	-	-	-
Dana takaful keluarga		<b>1,444</b>	445	-	-
Pendapatan pelaburan	26	<b>14,558</b>	11,968	<b>152,256</b>	8,528
Yuran Pengurusan		<b>50</b>	43	<b>741</b>	666
(Perbelanjaan)/pendapatan operasi bersih lain	28	<b>(3,787)</b>	(435)	<b>549</b>	21
Perbelanjaan pengurusan	29	<b>(5,558)</b>	(6,325)	<b>(3,101)</b>	(3,092)
		<b>10,847</b>	6,517	<b>150,445</b>	6,123
Lebih dipindah daripada					
Akaun Pendapatan Insurans Semula Am (Halaman 94)		<b>124,589</b>	135,485	-	-
Bahagian keuntungan syarikat bersekutu		<b>9,208</b>	11,762	-	-
<b>Keuntungan sebelum zakat dan cukai</b>		<b>144,644</b>	153,764	<b>150,445</b>	6,123
Zakat		<b>(10)</b>	(7)	-	-
Perbelanjaan cukai	31	<b>(15,155)</b>	(38,574)	<b>(19,133)</b>	(8,270)
<b>Keuntungan/(kerugian) bersih bagi tahun semasa yang boleh diagih kepada pemegang ekuiti Syarikat</b>		<b>129,479</b>	115,183	<b>131,312</b>	(2,147)
<b>Perolehan/(Kerugian) sesaham yang boleh diagih kepada pemegang ekuiti Syarikat (sen):</b>					
Asas	34	<b>61.4</b>	57.5	<b>62.3</b>	(1.1)
Dicair	34	<b>61.3</b>	57.2	<b>62.2</b>	(1.1)

Nota yang mengiringi ini membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.



# Penyata Perubahan Dalam Ekuiti

bagi tahun berakhir 31 Mac 2007

## < -----Yang Boleh Diagihkan Kepada Pemegang Ekuiti Syarikat----- >

### < -----Rizab----- >

#### < -Tidak boleh diagihkan- > Boleh Diagihkan

Kumpulan	Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Rizab	Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
				pertukaran terjemahan asing RM'000		
<b>Pada 31 Mac 2005</b>		202,880	86,067	38,342	349,750	677,039
Pelaksanaan opsyen saham		6,028	11,226	-	-	17,254
Keuntungan bagi tahun semasa, mewakili jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf bagi tahun semasa		-	-	-	115,183	115,183
Dividen	32	-	-	-	(58,742)	(58,742)
Kesan daripada rizab pertukaran terjemahan asing selepas pengambilalihan ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	-	-	(2,931)	-	(2,931)
<b>Pada 31 Mac 2006</b>		208,908	97,293	35,411	406,191	747,803
<b>Pada 31 Mac 2006</b>		208,908	97,293	35,411	406,191	747,803
Pelaksanaan opsyen saham		2,958	5,510	-	-	8,468
Keuntungan bagi tahun semasa, mewakili jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf bagi tahun semasa		-	-	-	129,479	129,479
Dividen	32	-	-	-	(69,838)	(69,838)
Kesan daripada rizab pertukaran terjemahan asing selepas pengambilalihan ke atas pelaburan dalam syarikat bersekutu	9	-	-	(7,435)	-	(7,435)
<b>Pada 31 Mac 2007</b>		<b>211,866</b>	<b>102,803</b>	<b>27,976</b>	<b>465,832</b>	<b>808,477</b>

### < -----Rizab----- >

Syarikat	Nota	Modal saham RM'000	Tidak boleh	Boleh	Jumlah RM'000
			diagihkan	diagihkan	
			Premium saham RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	
<b>Pada 31 Mac 2005</b>		202,880	86,067	376,375	665,322
Pelaksanaan opsyen saham		6,028	11,226	-	17,254
Kerugian bagi tahun semasa, mewakili jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf bagi tahun semasa		-	-	(2,147)	(2,147)
Dividen	32	-	-	(58,742)	(58,742)
<b>Pada 31 Mac 2006</b>		208,908	97,293	315,486	621,687
<b>Pada 31 Mac 2006</b>		208,908	97,293	315,486	621,687
Pelaksanaan opsyen saham		2,958	5,510	-	8,468
Keuntungan bagi tahun, mewakili jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang diiktiraf bagi tahun semasa		-	-	131,312	131,312
Dividen	32	-	-	(69,838)	(69,838)
<b>Pada 31 Mac 2007</b>		<b>211,866</b>	<b>102,803</b>	<b>376,960</b>	<b>691,629</b>

Nota yang mengiringi ini membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Lembaran Imbangan Dana Takaful Am

pada 31 Mac 2007

	Nota	2007 RM'000	2006 RM'000
<b>ASET</b>			
Pelaburan:			
– Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	10(c)	<b>32,256</b>	26,787
– Pelaburan lain	10(c)	<b>22,977</b>	16,561
Amaun boleh diterima	13	<b>14,540</b>	9,290
Baki Tunai dan Bank		<b>7,048</b>	1,732
<b>Jumlah aset dana takaful am (halaman 91)</b>		<b>76,821</b>	54,370
<b>LIABILITI</b>			
Peruntukan tuntutan tertunggak	15	<b>32,349</b>	23,876
Amaun perlu bayar	16	<b>7,086</b>	3,669
Terhutang kepada dana pemegang saham	17	<b>3,007</b>	4,631
<b>Jumlah liabiliti dana takaful am (halaman 91)</b>		<b>42,442</b>	32,176
<b>Dana Takaful Am</b>	21	<b>34,379</b>	22,194
<b>Jumlah liabiliti dan dana takaful am</b>		<b>76,821</b>	54,370

Nota yang mengiringi ini membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Akaun Pendapatan Takaful Am

bagi tahun berakhir 31 Mac 2007

Kumpulan	Nota	Jumlah		Kebakaran		Motor		Marin, Penerbangan & Transit		Pelbagai	
		2007	2006	2007	2006	2007	2006	2007	2006	2007	2006
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Caruman takaful kasar		<b>67,852</b>	54,579	<b>6,589</b>	4,294	<b>53,983</b>	46,727	<b>606</b>	391	<b>6,674</b>	3,167
Tolak: Takaful semula		<b>(7,622)</b>	(4,543)	<b>(3,332)</b>	(2,244)	<b>(1,582)</b>	(1,078)	<b>(447)</b>	(53)	<b>(2,261)</b>	(1,168)
Caruman takaful bersih		<b>60,230</b>	50,036	<b>3,257</b>	2,050	<b>52,401</b>	45,649	<b>159</b>	338	<b>4,413</b>	1,999
(Tambahan)/ kurangan dalam rizab caruman belum diperolehi	22	<b>(10,101)</b>	(7,989)	<b>(2,253)</b>	230	<b>(5,401)</b>	(8,195)	<b>(44)</b>	(166)	<b>(2,403)</b>	142
Caruman diperolehi		<b>50,129</b>	42,047	<b>1,004</b>	2,280	<b>47,000</b>	37,454	<b>115</b>	172	<b>2,010</b>	2,141
Tuntutan bersih yang ditanggung	27	<b>(31,008)</b>	(27,368)	<b>(1,158)</b>	(1,116)	<b>(28,281)</b>	(25,321)	<b>(44)</b>	(140)	<b>(1,525)</b>	(791)
Komisen atas takaful semula disidkan		<b>1,047</b>	528	<b>607</b>	361	<b>11</b>	6	<b>18</b>	5	<b>411</b>	156
		<b>(29,961)</b>	(26,840)	<b>(551)</b>	(755)	<b>(28,270)</b>	(25,315)	<b>(26)</b>	(135)	<b>(1,114)</b>	(635)
Caruman pengunderaitan		<b>20,168</b>	15,207	<b>453</b>	1,525	<b>18,730</b>	12,139	<b>89</b>	37	<b>896</b>	1,506
Yuran Al Wakalah	25	<b>(18,136)</b>	(16,707)								
Lebihan/(defisit) pengunderaitan		<b>2,032</b>	(1,500)								
Pendapatan pelaburan		<b>1,898</b>	666								
Peruntukan bagi hutang ragu		<b>(314)</b>	(1,053)								
Perbelanjaan operasi bersih lain	28	<b>(212)</b>	(319)								
Cukai	31	<b>-</b>	-								
Lebihan caj pentadbiran dipindahkan ke dana pemegang saham		<b>(1,226)</b>	-								
Lebihan/(defisit) dipindahkan ke dana takaful am	21	<b>2,178</b>	(2,206)								

Nota yang mengiringi membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Lembaran Imbangan Dana Takaful Keluarga

pada 31 Mac 2007

	Nota	2007 RM'000	2006 RM'000
<b>ASET</b>			
Pelaburan			
– Deposit dan penempatan dengan institusi kewangan	10(d)	<b>93,652</b>	41,490
– Pelaburan lain	10(d)	<b>59,644</b>	30,928
Amaun boleh diterima	13	<b>19,736</b>	9,505
Tunai dan baki Bank		<b>4,908</b>	1,779
Aset perniagaan berkaitan pelaburan		<b>5,947</b>	–
<b>Jumlah aset dana takaful keluarga (halaman 91)</b>		<b>183,887</b>	83,702
<b>LIABILITI</b>			
Peruntukan tuntutan tertunggak	15	<b>5,767</b>	3,588
Amaun perlu bayar	16	<b>10,836</b>	4,849
Terhutang kepada dana pemegang saham	17	<b>11,651</b>	12,369
Liabiliti perniagaan berkaitan pelaburan		<b>337</b>	–
<b>Jumlah liabiliti dana takaful keluarga (halaman 91)</b>		<b>28,591</b>	20,806
<b>Dana takaful keluarga</b>	23	<b>149,686</b>	62,896
<b>Dana berkaitan pelaburan</b>		<b>5,610</b>	–
<b>Jumlah dana takaful keluarga</b>		<b>155,296</b>	62,896
<b>Jumlah liabiliti dan dana takaful keluarga</b>		<b>183,887</b>	83,702

Nota yang mengiringi ini membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Akaun Pendapatan Takaful Keluarga

bagi tahun berakhir 31 Mac 2007

	Nota	2007 RM'000	2006 RM'000
Caruman takaful kasar		<b>156,054</b>	92,114
Takaful semula		<b>(1,518)</b>	(488)
Caruman takaful bersih		<b>154,536</b>	91,626
Faedah dibayar dan perlu bayar:			
Kematian		<b>(6,748)</b>	(6,022)
Penyerahan		<b>(780)</b>	(156)
Perubatan		<b>(2,990)</b>	(1,044)
Lain-lain		<b>(1,696)</b>	(1,021)
Yuran Al Wakalah	25	<b>(56,832)</b>	(38,220)
Lebihan pengunderaitan		<b>85,490</b>	45,163
Pendapatan pelaburan		<b>3,490</b>	1,055
Dimasukkan semula peruntukan bagi 1 (peruntukan bagi) hutang ragu		<b>107</b>	(300)
Perbelanjaan operasi bersih lain	28	<b>(853)</b>	(356)
Lebihan sebelum cukai		<b>88,234</b>	45,562
Cukai	31	<b>-</b>	-
Lebihan bagi tahun semasa		<b>88,234</b>	45,562
Lebihan caj pentadbiran dipindahkan ke dana pemegang saham		<b>(1,444)</b>	(445)
		<b>86,790</b>	45,117
Dana takaful keluarga pada awal tahun		<b>62,896</b>	18,645
Kurangan dalam Qardhul Hasan		<b>-</b>	(866)
Dana takaful keluarga pada akhir tahun	23	<b>149,686</b>	62,896

Nota yang mengiringi ini membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Penyata Aliran Tunai

bagi tahun berakhir 31 Mac 2007

	Kumpulan		Syarikat	
	2007 RM'000	2006 RM'000	2007 RM'000	2006 RM'000
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi</b>				
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	144,644	153,764	150,445	6,123
Pelarasan bagi:				
Dimasukkan semula peruntukan bagi rosotnilai pelaburan	(325)	(852)	-	-
Peruntukan bagi rosotnilai pelaburan	4,336	1,097	-	-
Kerugian kerosotan atas pelaburan saham yang tidak disenaraikan	-	4,759	-	-
Dimasukkan semula peruntukan bagi hutang lapuk dan ragu	(313)	-	-	-
Peruntukan bagi hutang lapuk dan ragu	207	1,430	-	-
Susut nilai	4,809	3,275	-	-
Pelunasan	937	1,506	-	-
Perolehan atas pelarasan nilai saksama	(1,233)	-	-	-
Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	103	114	-	-
Keuntungan atas penjualan hartanah, loji dan peralatan	(22)	(45)	-	-
(Tambahkan)/kurangan dalam rizab premium belum diperolehi	20,551	(3,214)	-	-
Tambahan dalam rizab caruman belum diperolehi	10,101	7,989	-	-
(Tambahkan)/kurangan dalam penempatan dengan institusi kewangan berlesen	(36,881)	252,990	75,766	398,219
(Tambahkan)/kurangan dalam sekuriti boleh dipasarkan	24,496	(156,728)	33,334	113,644
Pendapatan faedah	(37,233)	(35,473)	(4,285)	(4,779)
Pendapatan pelaburan daripada akaun pelaburan Islam	(7,137)	(4,097)	(508)	-
Pendapatan dividen	(13,759)	(14,736)	(147,437)	(3,647)
Pendapatan sewa	(11,195)	(9,903)	-	-
Keuntungan dalam penjualan pelaburan	(15,270)	(9,789)	(531)	-
Pembelian pelaburan lain	(237,970)	(1,444,706)	(979)	(26,080)
Perolehan daripada penjualan pelaburan	331,897	1,290,727	26,611	705,218
Tambahan dalam penempatan dalam akaun pelaburan Islam	(149,056)	(27,505)	(99,756)	-
Tambahan dalam surat niaga Islam	(56,948)	(41,829)	-	-
Bahagian keuntungan syarikat bersekutu	(9,208)	(11,762)	-	-
Keputusan dana takaful am	2,178	(2,206)	-	-
Keputusan dana takaful keluarga	86,790	45,117	-	-
Keputusan aset berkaitan pelaburan bersih	5,610	-	-	-
Keuntungan/(kerugian) daripada operasi sebelum perubahan dalam aset dan liabiliti operasi	60,109	(77)	32,660	1,188,698
Rizab premium belum diperolehi dipindahkan kepada anak syarikat	-	-	-	(223,881)
Hartanah, loji dan peralatan dipindahkan kepada anak syarikat	-	-	-	3,481
Saham diterbitkan oleh anak syarikat sebagai sebahagian penyelesaian bagi pemindahan aset bersih	-	-	-	(380,000)
Kurangan/(tambahan) dalam pinjaman kepada anak syarikat	-	-	20,000	(20,000)
Kurangan dalam pinjaman boleh terima	672	2,179	44	15,103
(Tambahkan)/kurangan dalam jumlah terhutang daripada broker dan syarikat mengesid	(18,101)	(994)	-	75,772
(Tambahkan)/kurangan dalam lain-lain amaun boleh terima, deposit, dan pra-pembayaran	(18,493)	(5,181)	288	3,572
Perubahan baki bersih dengan anak-anak syarikat	-	-	(1,150)	171
Tambahan/(Kurangan) dalam peruntukan untuk tuntutan tertunggak	27,690	2,985	-	(593,830)
Kurangan/(tambahan) dalam amaun terhutang kepada broker and peretrosisen	(1,860)	9,075	-	(26,959)
Tambahan/(Kurangan) dalam lain-lain amaun perlu bayar dan akruan	6,255	5,983	331	(8,517)
	<b>56,272</b>	<b>13,970</b>	<b>52,173</b>	<b>33,610</b>

## Penyata Aliran Tunai

bagi tahun berakhir 31 Mac 2007 (Samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2007 RM'000	2006 RM'000	2007 RM'000	2006 RM'000
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi (Samb.)</b>				
Cukai dan zakat yang dibayar	(42,840)	(26,592)	(843)	(9,327)
Penerimaan faedah	36,912	35,347	4,546	11,285
Penerimaan pendapatan pelaburan daripada akaun pelaburan Islam	6,037	3,957	384	–
Pembayaran hibah kepada peserta	(94)	–	–	–
Penerimaan dividen	16,466	13,094	107,061	3,530
Penerimaan sewa	8,912	9,703	–	303
Tunai bersih yang dijana daripada aktiviti operasi (Nota 33)	<b>81,665</b>	49,479	<b>163,321</b>	39,401
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan</b>				
Langganan saham dalam anak syarikat	–	–	(100,000)	–
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	(1,957)	–	(1,957)	–
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(4,063)	(7,510)	–	–
Pembelian aset tidak ketara	(6,102)	(1,229)	–	–
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	22	163	–	–
Tunai bersih yang digunakan dalam aktiviti pelaburan (Nota 33)	<b>(12,100)</b>	(8,576)	<b>(101,957)</b>	–
<b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan</b>				
Perolehan daripada penerbitan modal saham	8,468	17,254	8,468	17,254
Pembayaran dividen	(69,838)	(58,742)	(69,838)	(58,742)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan (Nota 33)	<b>(61,370)</b>	(41,488)	<b>(61,370)</b>	(41,488)
<b>Tunai dan Baki Bank</b>				
Tambahan/(kurangan) bersih bagi tahun semasa (Nota 33)	8,195	(585)	(6)	(2,087)
Pada awal tahun	4,816	5,401	10	2,097
Pada akhir tahun	<b>13,011</b>	4,816	<b>4</b>	10
<b>Tunai dan Persamaan Tunai terdiri daripada:</b>				
Tunai dan baki bank:				
Dana pemegang saham	230	101	4	10
Perniagaan insurans semula am	825	1,204	–	–
Dana takaful am	7,048	1,732	–	–
Dana takaful keluarga	4,908	1,779	–	–
	<b>13,011</b>	4,816	<b>4</b>	10

Nota : Tiada sekatan penggunaan dikenakan ke atas tunai dan baki bank Kumpulan dan Syarikat.

Nota yang mengiringi ini membentuk sebahagian daripada penyata kewangan ini.

# Nota-nota kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2007

## 1. Maklumat Korporat

Aktiviti utama Syarikat adalah pegangan pelaburan dan penyediaan perkhidmatan pengurusan kepada anak-anak syarikatnya.

Aktiviti utama anak-anak syarikat, termasuk yang ditubuhkan pada tahun ini telah dinyatakan dalam Nota 8 bagi penyata kewangan. Tiada perubahan ketara dalam sifat kegiatan utama Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan in.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia, dan disenaraikan pada Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Pejabat berdaftar Syarikat berlokasi di Tingkat 12, Bangunan Malaysian Re, No. 17, Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

Bilangan pekerja dalam Kumpulan dan Syarikat, masing-masing pada penghujung tahun kewangan semasa adalah 530 dan 11 (2006: 458 dan 11).

Penyata kewangan telah dibenarkan untuk dikeluarkan oleh Lembaga Pengarah menurut resolusi pengarah pada 28 Mei 2007.

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting

### 2.1 Asas Perakaunan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut konvensyen kos asal, melainkan dinyatakan sebaliknya dalam dasar perakaunan. Penyata kewangan ini mematuhi peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan Standard Pelaporan Kewangan yang berkuat kuasa di Malaysia.

Pada awal tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai yang FRS yang disemak dan baru yang berkuatkuasa bermula selepas 1 Januari 2006 atau sedia untuk diterima pakai seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.26 bagi penyata kewangan.

Penyata kewangan bagi Kumpulan juga mematuhi Akta dan Peraturan Insurans, 1996, Akta Takaful, 1984 dan Garis panduan dan Pekeliling yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") dan dimana sesuai, diubah suai untuk mematuhi prinsip Syari'ah.

Aset dan liabiliti perniagaan insurans semula am berkait dengan kedua-dua perniagaan insurans semula am dan dana pemegang saham.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan nilainya dibulatkan ke ribu (RM'000) yang terdekat melainkan diisyaratkan sebaliknya.

### 2.2 Tempoh Perakaunan

Untuk perniagaan insurans semula am, Kumpulan menerima pakai tempoh perakaunan suku tahun berakhir 31 Mac, 30 Jun, 30 September dan 31 Disember, setakat yang berkaitan dengan pendapatan dan pengeluaran pengunderaitan bagi perniagaan Pasaran Sesi. Ini adalah agar selaras dengan tempoh perakaunan syarikat mengesid.

Pendapatan dan pengeluaran pengunderaitan yang berkaitan dengan kelas perniagaan lain dan kesemua pendapatan dan perbelanjaan adalah bagi 12 bulan yang berakhir pada 31 Mac 2007.

– 31 Mac 2007

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### 2.3 Asas Penyatuan

#### (i) Anak-anak syarikat

Penyata kewangan yang disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan anak-anak syarikat. Anak-anak syarikat adalah sebuah syarikat yang Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti di dalamnya dan tempat yang ia mempunyai kuasa untuk melaksanakan kuasa terhadap dasar kewangan dan pengoperasiannya supaya mendapat faedah daripadanya.

Anak-anak syarikat disatukan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan. Menurut kaedah pengambilalihannya perakaunan, pendapatan anak-anak syarikat yang diperolehi dalam tahun tersebut termasuk dalam penyata pendapatan yang disatukannya dari tarikh berkuatkuasanya pemerolehan tersebut dan nilai ini ditunjukkan dalam lembaran imbalan yang disatukan.

Transaksi antara kumpulan, baki dan hasil yang direalisasikan disingkirkan semasa penyatuan dan penyata kewangan yang disatukan menunjukkan transaksi luaran sahaja. Kerugian yang tak direalisasikan dikeluarkan semasa penyatuan kecuali kos tidak boleh didapatkan kembali.

#### (ii) Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu adalah entiti yang Kumpulan mempunyai kepentingan ekuiti dan di mana ia melaksanakan pengaruhnya yang ketara melalui penyertaan pengurusannya. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam keputusan dasar kewangan dan pengoperasian penerima pelabur tetapi tidak mempunyai kuasa atau kuasa bersama ke atas dasar ini.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambil kira dalam penyata pendapatan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Menurut kaedah perakaunan ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu dicatatkan dalam kunci kira-kira yang disatukan pada kos yang diselaraskan untuk perubahan pasca pengambil alihan dalam bahagian Kumpulan bagi aset bersih syarikat bersekutu tersebut. Bahagian Kumpulan bagi untung atau rugi syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata pendapatan disatukan. Kepentingan kumpulan dalam syarikat bersekutu dicatatkan dalam lembaran imbalan disatukan pada kos ditambah bahagian Kumpulan bagi keuntungan tertahan atau rugi terkumpul dan lain-lain rizab.

Untung tidak direalisasi atas transaksi antara Kumpulan dan syarikat bersekutu dihapus kira setakat kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu tersebut. Kerugian tak direalisasi dihapus kecuali kos tak boleh didapatkan semula.

### 2.4 Pelaburan dalam anak-anak syarikat dan Syarikat bersekutu

Pelaburan Syarikat dalam anak-anak syarikat dan syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kerugian kerosotan.

Apabila pelaburan seperti ini dijual, perbezaan antara perolehan jualan bersih dan amaun buku diiktiraf dalam penyata pendapatan.

### 2.5 Keputusan Pengunderaitan Insurans Semula Am

Keputusan penaja jaminan insurans semula am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira akaun insurans semula, komisen, rizab premium tak diperolehi dan tuntutan bersih yang ditanggung.

#### (i) Pengiktirafan Premium

Premium diiktiraf dalam tempoh kewangan dari segi risiko yang ditanggung dalam tempoh kewangan tertentu tersebut. Premium insurans semula triti alir masuk dalaman dikenal pasti atas dasar penyata yang diterima dari penginsurans mengesid.

#### (ii) Rizab Premium Belum Diperolehi

Rizab premium belum diperolehi ("UPR") mewakili bahagian premium bersih bagi polisi insurans semula yang berkaitan dengan tempoh belum tamat polisi tersebut pada penghujung tempoh kewangan.

Dalam menetapkan UPR pada tarikh lembaran imbalan, kaedah yang mencerminkan liabiliti sebenar secara paling tepat digunakan, ditolak komisen tidak melebihi tolakan yang dibenarkan, seperti yang ditetapkan oleh BNM. UPR dikira menggunakan kaedah 1/8 dengan penolakan 20% bagi semua kelas perniagaan.

– 31 Mac 2007

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### 2.5 Keputusan Pengunderaitan Insurans Semula Am (Samb.)

#### (iii) Peruntukan Tuntutan Tertunggak

Liabiliti bagi tuntutan tertunggak diiktiraf seperti yang dinasihatkan oleh syarikat mengesid. Jumlah tuntutan tertunggak adalah anggaran terbaik bagi perbelanjaan yang diperlukan bersama perbelanjaan yang berkaitan ditolak perolehan semula untuk menyelesaikan obligasi semasa pada tarikh lembaran imbangan.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan bersama perbelanjaan berkaitan yang ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") pada tarikh lembaran imbangan, berdasarkan anggaran aktuari oleh aktuari yang bertauliah, menggunakan kaedah anggaran matematik.

#### (iv) Kos pengambilalihan

Kos mengambil alih dan memperbaharui perniagaan insurans semula daripada pendapatan bersih yang diperoleh daripada premium insurans semula mengesid diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan dengan wajar kepada tempoh yang mungkin boleh menghasilkan pendapatan.

### 2.6 Dana Takaful Am

Dana takaful am disimpan menurut Akta Takaful, 1984 dan terdiri daripada rizab caruman belum diperolehi dan apa-apa lebihan/defisit yang timbul dalam tempoh tahun semasa. Defisit pengunderaitan akan dicukupkan dengan dana pemegang saham melalui pinjaman atau Qardhul Hasan.

Lebihan boleh diagihkan kepada para peserta selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Syari'ah anak syarikat takaful. Lebihan takaful am ditetapkan selepas menolak takaful semula, komisen, rizab caruman belum diperolehi dan tuntutan bersih yang ditanggung.

Pendapatan takaful am terdiri daripada caruman takaful kasar dan pendapatan pelaburan. Pendapatan diambil kira berdasarkan akruan seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syari'ah anak syarikat takaful. Pendapatan yang tidak direalisasikan ditanggihkan dan penerimaan pendahuluan dianggap sebagai liabiliti dalam lembaran imbangan.

#### (i) Pendapatan Caruman Takaful

Caruman takaful diiktiraf sebaik sahaja amaun caruman boleh diukur pada kadar pasti menurut prinsip Syari'ah. Caruman takaful diiktiraf dalam tempoh kewangan dari segi risiko yang ditanggung dalam tempoh kewangan tertentu tersebut. Caruman takaful semula triti aliran masuk diiktiraf berdasarkan maklumat berkala yang diterima daripada pengendali takaful mengesid.

#### (ii) Rizab Caruman Belum Diperolehi

Rizab Caruman Belum Diperolehi ("UCR") mewakili bahagian pendapatan caruman bersih bagi sijil takaful ditulis yang berkaitan dengan tempoh belum tamat sijil tersebut pada penghujung tempoh kewangan. Dalam menentukan UCR pada tarikh lembaran imbangan, kaedah yang mencerminkan dengan paling tepat caruman belum diperolehi sebenar digunakan seperti berikut:

- Kaedah 1/365 bagi kesemua kelas perniagaan takaful am dalam Malaysia, tertakluk pada penolakan peratusan komisen perniagaan langsung kasar yang berkaitan dan perbelanjaan berkaitan agensi yang diambil kira tidak melebihi had yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia seperti berikut:

Motor	10%
Kebakaran	15%
Lain-lain	20%

- Sijil bukan tahunan dibahagikan menurut masa sepanjang tempoh sijil takaful tersebut.

– 31 Mac 2007

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### 2.6 Dana Takaful Am (Samb.)

#### (iii) Peruntukan untuk Tuntutan Tertunggak

Kos tuntutan dan penyelesaian yang ditanggung sepanjang tahun diiktiraf apabila peristiwa boleh tuntutan berlaku dan/atau subsidiari dimaklumkan. Jumlah tuntutan tertunggak adalah anggaran terbaik bagi perbelanjaan yang diperlukan bersama perbelanjaan yang berkaitan ditolak perolehan semula untuk menyelesaikan obligasi pada tarikh kunci kira-kira.

Peruntukan juga dibuat untuk kos tuntutan IBNR pada tarikh kunci kira-kira berdasarkan nisbah tuntutan pasaran bagi setiap kelas perniagaan.

#### (iv) Perbelanjaan Komisen

Perbelanjaan komisen, iaitu kos yang ditanggung secara langsung dalam memperoleh caruman sijil takaful, diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan dengan wajar kepada tempoh yang mungkin ia boleh menghasilkan pendapatan.

Perbelanjaan komisen, iaitu kos yang ditanggung secara langsung dalam memperoleh caruman sijil takaful, diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan dengan wajar kepada tempoh yang mungkin ia boleh menghasilkan pendapatan.

### 2.7 Dana Takaful Keluarga

Dana takaful keluarga disimpan menurut Akta Takaful, 1984 dan termasuk amaun yang diperuntukkan kepada para peserta.

Lebih atau defisit dana takaful keluarga ditentukan oleh penilaian aktuari tahunan dana takaful keluarga tersebut. Apa-apa defisit aktuari akan dicukupkan dengan dana pemegang saham melalui pinjaman atau Qardhul Hasan. Lebihan yang boleh diagihkan kepada para peserta ditetapkan selepas menolak tuntutan bersih yang ditanggung, takaful semula, peruntukan, rizab dan komisen. Lebihan boleh diagihkan kepada para peserta selaras dengan terma dan syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Syariah subsidiari takaful.

Hasil takaful keluarga terdiri daripada caruman takaful kasar dan pendapatan pelaburan. Hasil diambil kira berdasarkan akruan seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syari'ah subsidiari takaful. Pendapatan yang tak direalisasi ditangguhkan dan penerimaan pendahuluan dianggap sebagai liabiliti dalam kunci kira-kira.

#### (i) Pendapatan Caruman Takaful

Caruman takaful diiktiraf sebaik sahaja amaun caruman boleh diukur pada kadar pasti menurut prinsip Syariah. Caruman takaful pertama diiktiraf dengan membuat andaian bahawa risiko dan caruman takaful selanjutnya diiktiraf pada tarikh perlu bayar. Caruman takaful tertunggak pada tarikh kunci kira-kira diiktiraf sebagai pendapatan bagi tempoh tersebut dengan syarat ia masih dalam tempoh yang dibenarkan untuk pembayaran dan terdapat dana yang mencukupi dalam akaun peserta untuk meliputi caruman yang kena dibayar tersebut.

#### (ii) Peruntukan untuk Tuntutan Tertunggak

Kos tuntutan dan penyelesaian yang ditanggung sepanjang tahun diiktiraf apabila peristiwa boleh tuntutan berlaku dan/atau subsidiari dimaklumkan.

Tuntutan dan peruntukan untuk tuntutan yang timbul pada sijil takaful keluarga, termasuk kos penyelesaian, diambil kira menggunakan kaedah berdasarkan kes, dan untuk tujuan ini, faedah yang perlu dibayar menurut sesuatu sijil takaful adalah seperti berikut:

- (a) Kematangan atau pembayaran faedah sijil lain yang genap masanya pada tarikh tertentu dianggap sebagai tuntutan yang perlu dibayar pada tarikh kena dibayar;
- (b) kematian, penyerahan dan faedah lain tanpa tarikh genap masa dianggap sebagai tuntutan yang perlu dibayar atas penerimaan makluman mengenai kematian pemegang sijil atau apabila berlaku kontingensi yang dilindungi.

– 31 Mac 2007

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### 2.7 Dana Takaful Keluarga (Samb.)

#### (iii) Perbelanjaan Komisen

Perbelanjaan komisen, iaitu kos yang ditanggung secara langsung dalam memperoleh caruman sijil takaful, bersih daripada pendapatan yang didapati daripada takaful semula dalam tempoh caruman mengesid kepada pengendali takaful semula dicaj kepada akaun hasil takaful keluarga dalam tempoh yang ia ditanggung. Perbelanjaan komisen ditanggung oleh akaun hasil dana takaful keluarga pada peratusan yang dipersetujui bagi setiap sijil yang diunderait. Ini selaras dengan prinsip Al Wakalah seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syari'ah bagi subsidiari dan dipersetujui antara peserta dan subsidiari takaful berkenaan.

### 2.8 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

#### (i) Pengiktirafan dan ukuran

Kesemua item harta tanah, loji dan peralatan pada mulanya dicatatkan pada kos. Selanjutnya, harta tanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan selaras.

Hanya aset yang kosnya melebihi RM300 akan dipermodalkan. Aset yang kosnya RM300 dan lebih rendah dicajkan kepada penyata pendapatan dalam tahun ia dibeli.

Aset yang kosnya melebihi RM300 sehingga maksimum RM3,000 dikurangkan nilai ke RM1.00 pada tahun ia dibeli. Pengurangan nilai dicajkan kepada penyata pendapatan sebagai susut nilai.

Apabila harta tanah, loji dan peralatan dijual, perbezaan antara perolehan jualan bersih dan amaun buku diiktiraf dalam penyata pendapatan/akaun hasil insurans semula am dan bahagian yang tak digunakan bagi lebihan penilaian semula atas item tersebut dibawa terus ke untung tertahan.

#### (ii) Kos selanjutnya

Kos menggantikan bahagian sesuatu item harta tanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam amaun buku bagi item tersebut sekiranya ada kemungkinan yang faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam bahagian tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kosnya boleh diukur secara pasti. Kos penyelenggaraan harian bagi harta tanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam penyata pendapatan seperti yang dikenakan.

#### (iii) Susut nilai

Tanah pegangan bebas mempunyai hayat berguna tanpa had dan dengan itu tidak disusut nilai. Harta tanah yang dipajak disusut nilai sepanjang tempoh pajakan atau hayat bergunanya, mengikut mana yang lebih pendek.

Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan disediakan atas dasar kaedah garis lurus untuk melupuskan kos setiap aset kepada nilai residualnya sepanjang hayat bergunanya pada kadar tahunan berikut:

Peralatan komputer	33 $\frac{1}{3}$ %
Peralatan pejabat	15%
Perabot dan kelengkapan	15%
Kenderaan motor	20%

Nilai residual, hayat berguna, dan kaedah susut nilai dikaji semula setiap hujung tahun kewangan demi memastikan yang amaun, kaedah dan tempoh susut nilai konsisten dengan anggaran terdahulu dan pola penggunaan yang dijangkakan bagi faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam item harta tanah, loji dan peralatan.

– 31 Mac 2007

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### 2.9 Hartanah Pelaburan

Harta tanah pelaburan adalah harta tanah yang dimiliki atau dipegang di bawah kepentingan pajakan untuk memperoleh pendapatan sewa atau untuk penambahan nilai atau kedua-duanya.

Harta tanah seperti ini diukur pada mulanya pada kos, termasuk kos transaksi. Selepas pengiktirafan permulaan, harta pelaburan dinyatakan pada nilai saksama.

Nilai saksama diputuskan melalui rujukan kepada bukti harga transaksi pasaran bagi harta yang serupa dan dilaksanakan oleh penaksir bebas yang berdaftar yang memiliki kelayakan profesional yang diiktiraf dan pengalaman yang terkini dalam lokasi dan kategori harta yang dinilai.

Keuntungan dan kerugian yang timbul hasil perubahan dalam nilai saksama harta pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tahun ia muncul.

Harta pelaburan diterbalikkan pengiktirafannya apabila sama ada ia dijual atau apabila harta pelaburan ini ditarik balik penggunaannya secara kekal dan tiada faedah ekonomi masa depan dijangka daripada penjualannya. Apa-apa keuntungan atau kerugian atas penamatan penggunaan atau penjualan sesuatu harta pelaburan diiktiraf sebagai untung atau rugi bagi tahun yang ia berlaku.

### 2.10 Tanah Pajakan dan Pendahuluan Bayaran Pajakan Tanah

Tanah pajakan yang pada biasanya mempunyai hayat ekonomi yang tak pasti, dan hak milik tidak dijangka akan diserahkan kepada pemajak pada penghujung tempoh pajakan dianggap sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat apabila memasuki atau memperoleh sesuatu tanah pajakan diambil kira sebagai bayaran pajakan pra bayar yang dilunaskan sepanjang tempoh pajakan menurut pola faedah yang dibekalkan.

### 2.11 Aset Tidak Ketara

Aset tak ketara yang diperoleh secara berasingan diukur pada pemulaan pengiktirafan pada kos. Selepas pengiktirafan permulaan, aset tak ketara dicatatkan pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan apa-apa keteksempurnaan kerugian terkumpul.

Hayat berguna aset tak ketara dinilai sama ada terbatas atau tak terbatas. Aset tak ketara yang mempunyai hayat terbatas dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang hayat berguna ekonomi yang dianggarkan dan dinilai untuk keteksempurnaan apabila terdapat penunjuk bahawa aset tak ketara tersebut mungkin tak sempurna. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tak ketara dengan hayat berguna terbatas dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh lembaranimbangan.

Pelunasan dicaj kepada penyata kewangan / akaun hasil.

Aset tak ketara dengan usia guna tak terbatas tidak dilunaskan tetapi diuji untuk keteksempurnaan setiap tahun atau lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa nilai buku mungkin tak sempurna sama ada secara individu atau pada peringkat penajaan tunai. Usia guna aset tak ketara dengan hayat tak terbatas akan dikaji semula setiap tahun untuk menentukan sama ada penilaian usia guna terus boleh diguna pakai.

### Pembangunan Perisian di dalam proses

Pembangunan perisian yang sedang berjalan diuji untuk keteksempurnaan setiap tahun dan mewakili perbelanjaan pembangunan perisian. Berikutan pengiktirafan permulaan perbelanjaan pembangunan, model kos yang digunakan memerlukan aset dicatatkan pada kos ditolak apa-apa keteksempurnaan kerugian terkumpul. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan sempurna dan aset sedia ada untuk penggunaan. Ia dilunaskan sepanjang tempoh penggunaan masa depan yang dijangka. Dalam tempoh aset tersebut belum lagi digunakan, ia diuji untuk keteksempurnaan setiap tahun.

– 31 Mac 2007

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### 2.11 Aset Tidak Ketara (Samb.)

#### Perisian Kompuser dan Lesen

Hayat berguna perisian komputer dan lesen dianggap terbatas kerana perisian komputer dan lesen terdedah kepada kelapukan teknologi.

Perisian komputer dan lesen yang diperoleh dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang usia guna yang dianggarkan tidak melebihi 6 tahun. Rosot nilai dinilai bila sahaja terdapat penunjuk rosot nilai wujud dan tempoh dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh lembaran imbalan.

### 2.12 Kerosotan Aset

Nilai buku aset dikaji semula setiap tarikh lembaran imbalan untuk menentukan sama ada terdapat penunjuk rosot nilai. Sekiranya apa-apa penunjuk wujud, amaun aset yang boleh didapati semula dianggarkan untuk menentukan amaun rosot nilai kerugian.

Untuk tujuan ujian rosot nilai bagi aset ini, amaun boleh didapati semula ditentukan mengikut aset individu kecuali aset tersebut tidak menjana aliran tunai yang secara ketara bebas daripada aset lain. Jika ini yang berlaku, amaun yang boleh didapati semula ditentukan bagi unit yang menjana tunai (CGU) yang aset itu tergolong dalamnya.

Amaun aset yang boleh didapati semula lebih tinggi bagi nilai saksama atau CGU ditolak kos untuk menjual dan nilainya jika digunakan. Dalam menaksir nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan ke nilai semasa menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran bagi nilai masa wang dan risiko khusus bagi aset tersebut. Di mana nilai buku sesuatu aset melebihi amaun boleh didapati semulanya, aset tersebut dianggap rosot nilai dan diturunkan nilai kepada amaunnya yang boleh didapati semula.

Kerugian rosot nilai kerugian diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil dalam tempoh yang ia terjadi, kecuali aset dicatatkan pada amaun yang dinilai semula. Dalam kes ini rosot nilai kerugian diambil kira sebagai penilaian semula menurut setakat yang kerugian rosot nilai tidak melebihi amaun yang dicatatkan dalam rizab penilaian semula aset untuk aset yang sama.

Kerugian rosot nilai diterbalikan sekiranya, dan hanya sekiranya, terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh didapati kembali aset sejak kali terakhir kerugian rosot nilai. Nilai buku ditambah kepada amaun boleh didapati kembali yang baru, dengan syarat amaun ini tidak melebihi amaun buku yang akan ditentukan (bersih daripada pelunasan atau susut nilai) sekiranya tiada kerugian rosot nilai bagi aset pada tahun-tahun sebelumnya. Penerbalikan kerugian rosot nilai dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil, melainkan aset dicatatkan pada amaun yang dinilai semula. Sekiranya ini berlaku, penerbalikan seperti ini dianggap sebagai penilaian semula menaik.

### 2.13 Amaun Belum Diterima

Hutang lapuk yang diketahui dihapus kira. Peruntukan khusus dibuat bagi premium termasuk baki broker, insurans semula, ejen dan takaful semula yang kekal tertunggak selama lebih daripada enam bulan daripada tarikh ia menjadi belum diterima dan bagi kesemua hutang yang dianggap ragu.

### 2.14 Pelaburan

Pelaburan yang disenarai dan kertas komersial jangka pendek dinyatakan pada kos lebih rendah dan nilai pasaran yang ditentukan berdasarkan portfolio agregat melalui kategori pelaburan, kecuali sekiranya penghausan nilai sesuatu pelaburan tidak dianggap sebagai sementara, peruntukan dibuat terhadap nilai pelaburan tersebut.

Bon dijamin kerajaan dan sekuriti korporat tidak tersenarai yang bercagar atau yang atau membawa pengkadaran minimum "BBB" atau "P3" dinilai pada kos diselaras bagi pelunasan premium atau pertambahan diskaun, dikira berdasarkan hasil tetap dari tarikh pembelian ke tarikh kematangan. Apa-apa sekuriti hutang korporat lain dengan pengkadaran yang lebih rendah dinilai pada kos dan nilai pasaran menurut mana yang lebih rendah. Premium pelunasan dan pertambahan diskaun diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

– 31 Mac 2007

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### 2.14 Pelaburan (Samb.)

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan pelaburan yang diluluskan lain ditetapkan oleh BNM dinyatakan pada kos yang diselaraskan bagi pelunasan premium atau pertambahan diskaun, dikira mengikut kaedah garis lurus, dari tarikh pembelian ke tarikh matang. Premium pelunasan dan pertambahan diskaun diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Keahlian kelab golf dinyatakan pada kos ditolak peruntukan untuk apa-apa rosot nilai. Peruntukan seperti ini dibuat apabila terdapat penurunan selain daripada yang sementara dalam nilai keahlian kelab golf dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh penurunan itu berlaku. Apabila keahlian kelab golf ini dijual, perbezaan antara perolehan jualan bersih dan amaun buku, diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Pelaburan tidak tersenarai dan lain-lain dinyatakan pada kos tolak peruntukan untuk apa-apa kerugian rosot nilai.

Apabila harta tanah, pelaburan ini dijual, perbezaan antara perolehan jualan bersih dan amaun buku diiktiraf dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil.

Pelaburan dana berkaitan pelaburan ini dinyatakan pada harga tutup pasaran pada tarikh lembaranimbangan. Untung dan rugi yang tak direalisasi atas pelaburan ini dimasukkan ke dalam penyata pendapatan dana berkaitan pelaburan tersebut.

### 2.15 Pengiktirafan Hasil Lain

- (i) Pendapatan faedah atas pinjaman diiktiraf berdasarkan akruan kecuali di mana sesuatu pinjaman dianggap tak berfungsi, iaitu di mana pembayaran balik tertunggak untuk lebih daripada enam bulan. Dalam keadaan ini pengiktirafan faedah seperti ini digantung. Selepas penggantungan, faedah diiktiraf berdasarkan penerimaan sehingga tunggakan itu dibayar.
- (ii) Pendapatan faedah atas sekuriti hutang korporat diiktiraf berdasarkan bahagian masa yang menggambarkan hasil berkesan apabila peristiwa mungkir atas bayaran faedah telah berlaku, dan faedah tersebut kekal tertunggak untuk tempoh melebihi enam bulan. Dalam hal ini, pengiktirafan faedah akan digantung. Selepas penggantungan, faedah diiktiraf berdasarkan penerimaan sehingga tunggakan itu dibayar.
- (iii) Pendapatan faedah lain dan pendapatan pelaburan atas pelaburan Islamik diiktiraf menurut dasar bahagian masa yang mencerminkan hasil berkesan atas aset tersebut.
- (iv) Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar akruan kecuali di mana kemungkiran bayaran sewa telah berlaku dan sewa perlu dibayar kekal tertunggak untuk tempoh melebihi enam bulan. Dalam keadaan ini pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas penggantungan, pendapatan sewa diiktiraf berdasarkan penerimaan sehingga kesemua tunggakan itu dibayar.
- (v) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran ditetapkan.

### 2.16 Lebihan/Defisit Al Wakalah

Perbelanjaan komisen dan pengurusan ditanggung oleh dana takaful keluarga dan takaful am dalam akaun hasil masing-masing pada peratusan yang dipersetujui menurut perbelanjaan sebenar yang ditanggung oleh dana masing-masing. Ini menurut prinsip Al Wakalah seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syaria'ah subsidiari takaful dan antara peserta dan subsidiari takaful tersebut. Apa-apa lebihan/defisit yang timbul selepas menolak yuran Al Wakalah yang perlu dibayar oleh dana kepada dana pemegang saham, akan dipindahkan ke/ditanggung oleh dana pemegang saham sebagai lebihan/defisit wakalah.

– 31 Mac 2007

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### 2.17 Mata Wang Asing

Transaksi dalam mata wang asing ditukarkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh transaksi tersebut. Aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing pada tarikh lembaran imbangan diterjemahkan ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh tersebut. Kesemua perbezaan pertukaran dibawa ke penyata pendapatan dan/atau akaun hasil insurans semula am.

Keputusan syarikat sekutu, Labuan Reinsurance (L) Limited diterjemahkan pada kadar pertukaran akhir tahun berkaitan dengan amaun buku pelaburan dalam syarikat sekutu, dan pada kadar pertukaran pada tarikh transaksi tersebut yang berkaitan dengan bahagian keuntungan atau kerugian tersebut. Kesemua perbezaan hasil terjemahan ini dimasukkan ke dalam rizab penterjemahan pertukaran asing dalam ekuiti pemegang saham.

Kadar pertukaran utama bagi setiap unit Dolar Amerika Syarikat yang berkuatkuasa pada tarikh lembaran imbangan yang digunakan ialah RM3.445 (2005: RM3.705).

### 2.18 Cukai Pendapatan

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian bagi tahun semasa terdiri daripada cukai semasa dan tertanggung. Cukai semasa adalah amaun yang dijangka bagi cukai pendapatan yang perlu dibayar bagi tahun semasa dan diukur menggunakan kadar cukai yang telah digubal pada tarikh lembaran imbangan.

Cukai tertanggung diperuntukkan, menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara antara asas cukai aset dan liabiliti dan amaun buku dalam penyata kewangan, pada tarikh kunci kira-kira. Dari segi prinsip, liabiliti cukai tertanggung diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara boleh dicukai, manakala aset cukai tertanggung diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai yang tak digunakan dan kredit cukai yang tak digunakan setakat yang keuntungan boleh dicukai mungkin akan wujud, di mana perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tak digunakan dan kredit cukai tak digunakan boleh ditolak daripadanya. Cukai tertanggung tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah negatif atau daripada pengiktirafan permulaan sesuatu aset atau liabiliti dalam sesuatu transaksi yang bukan gabungan perniagaan dan pada masa transaksi tersebut, tidak menjejaskan sama ada keuntungan perakaunan atau pun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertanggung diukur pada kadar cukai yang dijangka akan berkuat kuasa dalam tempoh apabila aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau secara hakiki digubal pada tarikh Kunci Kira-kira. Cukai tertanggung diiktiraf dalam Penyata Pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada transaksi yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti. Dalam hal ini cukai tertanggung ini juga dicaj atau dikredit secara langsung ke dalam ekuiti.

### 2.19 Zakat

Ini mewakili zakat yang perlu dibayar oleh subsidiari takaful demi mematuhi prinsip Syariah dan diluluskan oleh Badan Penasihat Syariah. Ia amaun yang wajib kena dibayar oleh subsidiari takaful demi mematuhi prinsip Syariah. Subsidiari takaful ini menerima pakai kaedah aset semasa bersih bagi mengira zakat yang perlu dibayar.

### 2.20 Faedah Kakitangan

#### (i) Faedah Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun yang perkhidmatan yang berkaitan diberikan kepada para pekerja Kumpulan. Ketakhadiran yang diberi pampasan yang terkumpul jangka pendek seperti cuti tahun berbayar, diiktiraf apabila perkhidmatan diberi oleh pekerja yang meningkatkan kelayakan untuk baki yang diberi pampasan pada masa depan. Ketakhadiran yang diberi pampasan tak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketakhadiran tersebut berlaku.

– 31 Mac 2007

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### 2.20 Faedah Kakitangan (Samb.)

#### (ii) Rancangan Caruman Ditakrif

Seperti yang diperlukan oleh undang-undang, Kumpulan membuat sumbangan kepada skim persaraan nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Kumpulan juga membuat caruman tambahan kepada KWSP bagi pekerja yang layak merujuk pada tempoh perkhidmatan dan perolehan mereka. Caruman seperti ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dan/atau akaun hasil insurans semula sebagai ditanggung.

### 2.21 Tunai dan Persamaan Tunai

Tunai dan persamaan tunai termasuk tunai dalam tangan dan di bank, tidak termasuk deposit tetap dan deposit panggilan dengan institusi kewangan berlesen. Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tak langsung.

### 2.22 Peruntukan untuk Liabiliti

Peruntukan untuk liabiliti diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi semasa hasil peristiwa lalu dan mungkin aliran keluar sumber yang mengandungi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, dan anggaran yang pasti bagi amaun ini boleh dibuat. Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh lembaran imbangan dan diselaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, amaun peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

### 2.23 Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan diiktiraf dalam lembaran imbangan apabila Kumpulan telah menjadi satu pihak dalam peruntukan kontraktual bagi instrumen ini. Dasar perakaunan mengenai pengiktirafan dan ukuran item-item ini dizahirkan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut kandungan hakiki pengaturan kontraktual tersebut. Faedah, dividen, keuntungan, dan kerugian berkaitan dengan instrumen dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai ekuiti dicaj secara langsung kepada ekuiti. Instrumen kewangan ditolak apabila Kumpulan dan Syarikat telah menguatkuasakan hak dari segi undang-undang untuk menolak dan berhasrat untuk menyelesaikan sama ada berasaskan nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti pada masa yang sama.

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti dan dinyatakan pada nilai nominal. Dividen atas saham biasa diiktiraf dalam ekuiti dalam tempoh yang ia diisytiharkan.

Kos transaksi bagi apa-apa transaksi ekuiti diambil kira sebagai penolakan daripada ekuiti, bersih daripada cukai. Kos transaksi ekuiti terdiri daripada hanya kos luaran tokokan yang diperuntukkan secara langsung kepada transaksi ekuiti yang sebaliknya boleh dielakkan.

### 2.24 Amaun Perlu Dibayar

Amaun perlu dibayar dinyatakan pada kos iaitu nilai saksama balasan perlu dibayar pada masa hadapan untuk barangan dan perkhidmatan yang diberi.

### 2.25 Baki dengan Subsidiari

Baki dengan subsidiari dinyatakan pada amaun yang genap masanya dan dijangka akan diselesaikan.

– 31 Mac 2007

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### 2.26 Perubahan dalam Dasar Perakaunan dan Kesan yang Timbul daripada Penerapan FRS Baru dan yang Disemak

Pada 1 April 2006, Kumpulan dan Syarikat menerapkan FRS berikut yang berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2006:

FRS 2	Bayaran berasaskan saham
FRS 3	Gabungan Perniagaan
FRS 5	Aset Bukan Semasa yang Dipegang untuk Dijual dan Ditamatkan Operasi
FRS 101	Pembentangan Penyata Kewangan
FRS 102	Inventori
FRS 108	Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran dan Ralat Perakaunan
FRS 110	Peristiwa selepas Tarikh Kunci Kira-kira
FRS 116	Harta Tanah, Loji dan Peralatan
FRS 121	Kesan Perubahan dalam Pertukaran Mata Wang Asing
FRS 127	Penyata Kewangan Yang Disatukan dan Diasingkan
FRS 128	Pelaburan dalam Syarikat Sekutu
FRS 131	Kepentingan dalam Syarikat Usaha Sama
FRS 132	Instrumen Kewangan: Pendedahan dan Pembentangan
FRS 133	Perolehan Sesaham
FRS 136	Ketaksempurnaan Aset
FRS 138	Aset Tak Ketara
FRS 140	Harta Tanah Pelaburan

Sebagai tambahan kepada yang di atas, Kumpulan juga mengambil opsyen penerapan awal FRS 117: Pajak yang berkuat kuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Oktober 2006, bagi tempoh kewangan bermula 1 April 2006. Kumpulan belum menerapkan FRS berikut, pindaan kepada FRS dan Penterjemahan Jawatankuasa Isu ("IC") yang mempunyai tarikh kuat kuasa pada atau selepas 1 Oktober 2006:

Terjemahan FRS/IC	Bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas
(i) FRS 124: Pendedahan Pihak Berkaitan	1 Oktober 2006
(ii) FRS 6: Penerokaan untuk dan penilaian Sumber Mineral	1 Januari 2007
(iii) FRS 119 <sub>2004</sub> : Faedah Kakitangan – Keuntungan dan Kerugian Aktuari, Rancangan Kumpulan dan Pendedahan	1 Januari 2007
(iv) FRS 121: Kesan perubahan Kadar Pertukaran Mata Wang Asing – Pelaburan bersih dalam Operasi Luar Negara	1 Julai 2007
(v) Penterjemahan IC 1: Perubahan dalam Penyahtauliah, Pengembalian Semula, dan Liabiliti Serupa	1 Julai 2007
(vi) Penterjemahan IC 2: Saham Ahli dalam Entiti Kooperatif dan Instrumen yang Serupa	1 Julai 2007
(vii) Penterjemahan IC 5: Hak terhadap Kepentingan yang timbul daripada Penyahtauliah, Pengembalian Semula, dan Dana Pemulihan Alam Sekitar	1 Julai 2007
(viii) Penterjemahan IC 6: Liabiliti yang timbul daripada Penyertaan dalam Pasaran Tertentu – Sisa Elektrik dan Peralatan Elektronik	1 Julai 2007
(ix) Penterjemahan IC 7: Menggunakan Pendekatan Penyata Semula di bawah FRS 129 <sub>2004</sub> Pelaporan Kewangan dalam Ekonomi Hiperinflasi	1 Julai 2007
(x) Penterjemahan IC 8: Skop bagi FRS 2	1 Julai 2007

Penerapan yang di atas tidak dijangka akan mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan semasa ia mula diterima pakai

Kumpulan juga telah menerapkan FRS 139: Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Ukuran, di mana tarikh kuat kuasa aplikasi telah ditangguhkan.

– 31 Mac 2007

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### 2.26 Perubahan dalam Dasar Perakaunan dan Kesan yang Timbul daripada Penerapan FRS Baru dan yang Disemak (Samb.)

Penerapan FRS 2, 3, 5, 102, 108, 110, 121, 127, 128, 131, 132, 133 dan 136 yang baru dan disemak tidak menghasilkan perubahan ketara dalam dasar perakaunan bagi Kumpulan. Perubahan utama dalam dasar perakaunan dan kesan yang terhasil daripada penerapan FRS yang baru dan disemak ini diringkaskan di bawah:

#### (i) FRS 101: Pembentangan Penyata Kewangan

##### Bahagian Cukai Kumpulan bagi Syarikat Sekutu

Sebelum 1 April 2006, bahagian cukai Kumpulan bagi syarikat sekutu diambil kira menggunakan kaedah ekuiti tidak termasuk sebagai sebahagian daripada perbelanjaan cukai pendapatan Kumpulan dalam penyata kewangan yang disatukan. Setelah penerapan FRS 101 yang baru dan disemak, bahagian cukai syarikat sekutu diambil kira menggunakan kaedah ekuiti kini termasuk dalam bahagian untung atau rugi yang dilaporkan dalam penyata pendapatan disatukan masing-masing sebelum dibawa kepada untung atau rugi Kumpulan sebelum cukai.

Pembentangan tahun semasa bagi penyata kewangan Kumpulan berdasarkan keperluan FRS 101 yang disemak, dengan perbandingan yang dinyatakan semula tuntut mematuhi pembentangan tahun semasa. Perubahan pembentangan ini tiada impak ke atas penyata kewangan Syarikat.

#### (ii) FRS 117: Pajakan

Penerapan FRS 117 yang disemak telah menghasilkan perubahan dalam dasar perakaunan yang berkaitan dengan pengelasan semula tanah pajakan. Pajakan tanah dikelaskan sebagai pajakan operasi dengan cara yang sama seperti pajakan aset lain. Tanah pajakan yang dipegang untuk kegunaan sendiri kini dikelaskan sebagai pajakan operasi dan di mana perlu, bayaran pajakan minimum atau bayaran pendahuluan yang dibuat diperuntukkan antara elemen tanah dan bangunan dalam nisbah nilai saksama relatif bagi kepentingan pajakan dalam elemen tanah dan elemen bangunan pajakan pada permulaan pajakan tersebut. Bangunan yang terletak di atas tanah pajakan dicatatkan sebagai sebahagian daripada bangunan di bawah Harta Tanah, Loji dan Peralatan. Bayaran pendahuluan yang berkaitan dengan tanah pajakan mewakili bayaran pajakan tanah pra bayar dan dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

Kumpulan telah menerapkan perubahan dalam dasar perakaunan berkaitan tanah pajakan menurut peruntukan transisi bagi FRS 117. Pada 1 April 2006, amaun yang dilunaskan bagi tanah pajakan disimpan sebagai pemangku yang mencatatkan amaun bayaran pajakan pra-bayar seperti yang dibenarkan oleh peruntukan berkaitan transisi. Pengelasan semula tanah pajakan sebagai bayaran pajakan pra-bayar daripada harta pelaburan telah diambil kira secara prospektif dan perbandingan pada 31 Mac 2006 tidak dinyatakan semula. Sebaliknya, perubahan telah diambil kira untuk menyatakan semula baki mula dalam lembaran imbangan pada 1 April 2006 seperti yang dizahirkan dalam Nota 2.26 (vi) bagi penyata kewangan.

#### (iii) FRS 138: Aset Tidak Ketara

Kos pembangunan perisian dan perisian komputer dan lesen dianggap mempunyai usia guna yang terbatas dan dengan itu, dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai.

Dengan penerapan FRS 138, Kumpulan mengubah dasar perakaunan dan pengelasan kos pembangunan perisian dan perisian komputer dan lesen yang diperoleh tertentu yang bukan bahagian bersepadu perkakasan yang berkaitan, dikelaskan semula kepada aset tak ketara daripada harta tanah, loji dan peralatan, dan kos yang berkaitan dengannya dilunaskan sepanjang usia gunanya.

Kos pembangunan perisian dan perisian komputer dan lesen dianggap mempunyai hayat berguna yang terbatas dan dengan itu, dinyatakan pada kos ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai.

Kos perisian komputer dan perisian komputer dan lesen yang diperoleh dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang hayat berguna yang dianggarkan tidak melebihi 6 tahun. Rosot nilai dinilai bila sahaja terdapat penunjuk ketaksempurnaan wujud dan tempoh dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap tarikh kunci kira-kira.

Perubahan ini tiada impak ketara ke atas keputusan Kumpulan.

– 31 Mac 2007

**2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)****2.26 Perubahan dalam Dasar Perakaunan dan Kesan yang Timbul daripada Penerapan FRS Baru dan yang Disemak (Samb.)****(iv) FRS 140: Harta Tanah Pelaburan**

Sebelum 1 April 2006, harta tanah pelaburan dianggap sebagai pelaburan jangka panjang dan dinyatakan pada nilai buku bersih pada tarikh pemindahan harta tanah, loji dan peralatan pada kos, ditolak peruntukan untuk kerugian rosot nilai dan harta tanah pelaburan tidak disusut nilai.

Penerapan FRS 140 telah menghasilkan perubahan dalam dasar perakaunan bagi harta tanah pelaburan serta pengelasan semula harta tanah tertentu, yang secara signifikan dihuni pemilik, telah dikelaskan semula daripada harta tanah pelaburan kepada harta tanah, loji dan peralatan.

Dengan penerapan FRS 140 juga, harta tanah pelaburan kini dinyatakan pada nilai saksama dan apa-apa keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tahun ia berlaku. Perubahan dalam dasar perakaunan ini telah diterapkan secara prospektif

Keuntungan nilai saksama bersih ke atas harta tanah pelaburan selepas penerapan FRS 140 ialah RM769,000.

**(v) Ringkasan Kesan Menerapkan FRS baru dan dikaji semula dalam Penyata Kewangan Tahun Semasa****(a) Kesan lembaran imbangan pada 31 Mac 2007**

Huraian perubahan	< -----Peningkatan/(Pengurangan)----- >			Jumlah RM'000
	FRS 117 Nota 2.26 (ii) RM'000	FRS 138 Nota 2.26 (iii) RM'000	FRS 140 Nota 2.26 (iv) RM'000	
<b>Kumpulan</b>				
Harta tanah, loji dan peralatan	(5,306)	(11,022)	114,189	97,861
Harta tanah pelaburan	-	-	(114,189)	(114,189)
Bayaran pajakan tanah prabayar	5,306	-	-	5,306
Aset tak ketara	-	11,022	-	11,022

**(b) Kesan ke atas Penyata Pendapatan dan Akaun Hasil Insurans Semula Am bagi Tahun Berakhir 31 Mac 2007**

Huraian perubahan	< -----Peningkatan/(Pengurangan)----- >			Jumlah RM'000
	FRS 117 Nota 2.26 (ii) RM'000	FRS 138 Nota 2.26 (iii) RM'000	FRS 140 Nota 2.26 (iv) RM'000	
<b>Kumpulan</b>				
Perbelanjaan pengurusan:				
Keuntungan atas pelarasan nilai saksama	-	-	1,233	1,233
Pelunasan	94	843	-	937
Susut nilai	-	(843)	-	(843)

– 31 Mac 2007

**2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)****2.26 Perubahan dalam Dasar Perakaunan dan Kesan yang Timbul daripada Penerapan FRS Baru dan yang Disemak (Samb.)****(vi) Penyataan Semula Perbandingan**

Perbandingan jumlah berikut telah dinyatakan semula hasil penerapan FRS baru dan disemak semula:

	<b>Dinyatakan sebelum ini RM'000</b>	<b>FRS 117 Nota 2.26 (iii) RM'000</b>	<b>FRS 138 Nota 2.26 (iv) RM'000</b>	<b>FRS 140 Nota 2.26 (v) RM'000</b>	<b>Dinyatakan semula RM'000</b>
<b>Huraian perubahan</b>					
<b>Pada 31 Mac 2006</b>					
Harta tanah, loji dan peralatan	12,693	(5,400)	(5,818)	115,422	116,897
Harta tanah pelaburan	146,589	–	–	(115,422)	31,167
Bayaran pajakan tanah prabayar	–	5,400	–	–	5,400
Aset tak ketara	–	–	5,818	–	5,818

**2.27 Perubahan Anggaran**

FRS 138 yang disemak semula: Aset Tak Ketara memerlukan semakan semula tempoh dan kaedah pelunasan aset tak ketara sekurang-kurangnya pada penghujung setiap tahun. Kumpulan menyemak semula hayat berguna yang dianggarkan bagi perisian komputer dan lesen yang diperolehi dari tiga hingga enam tahun berkuat kuasa dari 1 April 2006. Semakan semula dalam anggaran hayat berguna diambil kira secara prospektif sebagai pertukaran anggaran perakaunan. Tiada impak ketara yang timbul hasil pertukaran hayat berguna yang dianggarkan bagi aset tak ketara.

**2.28 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Ketara****(i) Pertimbangan Ketara dalam Penerapan Dasar Perakaunan**

Berikut adalah pertimbangan yang dibuat oleh pengurusan dalam proses menerapkan dasar perakaunan Kumpulan yang telah mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan. Pertimbangan dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman yang pernah dialami dan faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa akan datang yang diyakini secara munasabah berdasarkan keadaan semasa.

**Pengelasan antara hartanah pelaburan dan hartanah, loji dan peralatan**

Kumpulan telah membangunkan kriteria tertentu berasaskan FRS 140 dalam membuat pertimbangan sama ada sesuatu harta tanah layak sebagai harta tanah pelaburan. Harta tanah pelaburan adalah harta tanah yang memperoleh sewa atau untuk kenaikan nilai modal atau kedua-duanya.

Sesetengah harta tanah terdiri daripada sebahagian yang dipegang untuk memperoleh sewa atau untuk kenaikan nilai dan bahagian lain dipegang untuk kegunaan dalam penghasilan atau bekalan barangan atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Jika bahagian ini boleh dijual secara berasingan (atau dipajak di bawah pajakan pembiayaan berasingan), Kumpulan akan mempertimbangkan bahagian-bahagian ini secara berasingan. Jika bahagian ini tidak boleh dijual secara berasingan, harta tanah ini adalah harta tanah pelaburan hanya jika bahagian yang tidak ketara dipegang untuk kegunaan dalam penghasilan atau bekalan barangan atau perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran. Pertimbangan mengenai sesuatu harta tanah dibuat secara individu untuk menentukan sama ada perkhidmatan sampingan adalah begitu ketara yang harta tanah tersebut tidak layak sebagai harta tanah pelaburan.

– 31 Mac 2007

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### 2.28 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Ketara (Samb.)

#### (ii) Sumber Utama Ketakpastian Anggaran

Andaian utama berhubung masa depan dan sumber utama ketakpastian anggaran lain pada tarikh kunci kira-kira, yang mempunyai risiko ketara untuk menyebabkan pelarasan material bagi amaun buku aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikut dibincangkan di bawah.

#### (a) Susut nilai dan pelunasan

Susut nilai dan pelunasan adalah berdasarkan anggaran pengurusan mengenai hayat berguna purata masa depan yang dianggar dan nilai residual harta tanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara. Anggaran mungkin berubah disebabkan oleh pembangunan teknologi, tahap penggunaan yang dijangka, persaingan, keadaan pasaran dan faktor lain, dan boleh memberi impak ke atas hayat berguna purata yang dianggar dan nilai residual aset ini. Ini boleh menghasilkan perubahan pada masa depan dalam hayat berguna yang dianggar dan dalam perbelanjaan susut nilai atau pelunasan. Buat masa ini dianggarkan bahawa harta tanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara Syarikat tidak mempunyai nilai residual.

#### (b) Rosot nilai

Aset diuji untuk rosot nilai apabila penunjuk potensi rosot nilai wujud. Penunjuk rosot nilai yang akan mencetuskan pengkajian semula sesuatu rosot nilai termasuk bukti kelapukan atau kerosakan fizikal, kejatuhan nilai pasaran yang ketara, prestasi yang rendah secara ketara berbanding hasil pengoperasian sejarah atau unjuran masa depan, perubahan ketara dalam penggunaan aset atau strategi perniagaan, atau perubahan industri atau ekonomi yang menjejaskan.

Amaun aset yang boleh didapatkan kembali berasaskan anggaran dan andaian pengurusan mengenai nilai boleh direalisasikan bersih, aliran tunai yang terhasil daripada prestasi pengoperasian masa depan dan kapasiti menjana hasil aset tersebut dan CGU, dan keadaan pasaran masa depan. Perubahan dalam keadaan boleh membawa kepada perubahan dalam anggaran dan andaian, dan menghasilkan perubahan amaun yang boleh didapatkan kembali bagi aset dan kerugian rosot nilai yang diperlukan.

#### (c) Ketakpastian dalam anggaran perakaunan

##### (i) Perniagaan insurans semula am dan takaful

Ketakpastian utama dalam perniagaan insurans semula am dan takaful timbul daripada peruntukan teknikal yang termasuk peruntukan bagi liabiliti premium / caruman dan tuntutan. Liabiliti premium / caruman terdiri daripada rizab premium tak diperoleh manakala liabiliti tuntutan terdiri daripada peruntukan untuk tuntutan tertunggak. Anggaran berasaskan rizab premium / caruman tak diperoleh dijelaskan dalam penyata dasar perakaunan yang berkaitan.

Secara umum, liabiliti tuntutan ditentukan berdasarkan pengalaman tuntutan terdahulu, pengetahuan yang wujud mengenai peristiwa, terma dan syarat polisi yang berkaitan dan interpretasi keadaan. Yang paling relevan adalah pengalaman masa lalu dengan kes yang hampir serupa, trend perkembangan tuntutan sejarah, perubahan perundangan, keputusan kehakiman dan keadaan ekonomi. Adalah pasti yang premium / caruman masa depan sebenar dan liabiliti tuntutan tidak akan berlaku seperti yang diunjurkan secara tepat dan mungkin berbeza daripada unjuran tersebut.

Anggaran liabiliti premium / caruman dan tuntutan adalah dengan itu sensitif terhadap berbagai faktor dan ketakpastian. Pewujudan peruntukan teknikal adalah proses yang dengan sendirinya tak pasti dan, akibat ketakpastian ini, penyelesaian liabiliti premium / caruman dan tuntutan mungkin berbeza daripada anggaran asal.

Mungkin terdapat lat pelaporan yang ketara bagi peristiwa yang diinsurans dengan masa ia dilaporkan. Berikutan pengenpastian dan pemakluman kerugian yang diinsuranskan, mungkin masih terdapat ketakpastian berkaitan magnitud tuntutan tersebut. Terdapat banyak faktor yang akan menentukan paras ketakpastian seperti inflasi, interpretasi kehakiman yang tak konsisten, perubahan perundangan dan prosedur pengendalian tuntutan.

– 31 Mac 2007

## 2. Dasar-Dasar Perakaunan Penting (Samb.)

### 2.28 Anggaran dan Pertimbangan Perakaunan Ketara (Samb.)

#### (ii) Sumber Utama Ketakpastian Anggaran (Samb.)

#### (c) Ketakpastian dalam anggaran perakaunan (Samb.)

##### (ii) Perniagaan takaful keluarga

Anggaran liabiliti muktamad yang timbul daripada tuntutan yang dibuat di bawah kontrak takaful keluarga adalah anggaran perakaunan kritikal. Terdapat beberapa sumber ketakpastian yang perlu dipertimbangkan dalam membuat anggaran liabiliti bagi dana takaful keluarga yang akhirnya perlu dibayar sebagai tuntutan.

Bagi kontrak Takaful Keluarga, anggaran dibuat untuk kematian, ketakupayaan, kematangan, pulangan pelaburan, penamatan secara sukarela dan perbelanjaan masa depan menurut keperluan kontraktual dan pengawal atur. Dana Takaful Keluarga membuat anggaran bilangan kematian yang dijangka berdasarkan jadual mortaliti statutori, dilaraskan di mana wajar untuk menunjukkan keterdedahan risiko unik dana ini. Anggaran bilangan kematian yang dijangka menentukan nilai faedah masa depan yang mungkin yang perlu dibayar, yang akan difaktorkan dalam memastikan perlindungan yang memadai oleh rizab, yang dengan itu dipantau terhadap caruman semasa dan masa depan.

Bagi kontrak yang melindungi risiko berkaitan dengan ketakupayaan, anggaran dibuat berdasarkan pengalaman lalu yang baru berlaku dan trend yang muncul. Walau bagaimanapun, epidemik, serta pelbagai perubahan gaya hidup yang meluas, boleh menghasilkan perubahan yang ketara terhadap pendedahan yang dijangka pada masa depan. Semua ini akan menimbulkan ketakpastian anggaran liabiliti muktamad yang diunjurkan bagi dana takaful keluarga.

Pada setiap tarikh laporan, anggaran ini dinilai semula untuk kecukupan dan perubahan akan ditunjukkan sebagai pelarasan terhadap liabiliti tersebut.

#### (d) Aset cukai tertunda

Implikasi cukai tertanggung yang timbul daripada perubahan dalam kadar cukai korporat diukur dengan merujuk pada anggaran amaun yang direalisasi dengan perbezaan sementara dalam tempoh masa depan yang kadar cukai dijangka akan digunakan, berdasarkan kadar cukai yang digubal dan digubal secara hakiki pada tarikh kunci kira-kira. Sementara anggaran pengurusan mengenai perbezaan amaun yang direalisasi dan penyelesaian adalah berdasarkan maklumat yang sedia ada pada tarikh kunci kira-kira, perubahan dalam strategi perniagaan, prestasi pengoperasian masa depan dan faktor lain boleh memberi impak ke atas masa sebenar dan jumlah perbezaan sementara ini direalisasi dan diselesaikan. Apa-apa perbezaan antara jumlah sebenar dan jumlah yang dianggarkan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang realisasi dan penyelesaian sebenar berlaku.

Aset cukai tertanggung diiktiraf bagi semua peruntukan untuk penghausan nilai pelaburan, rizab premium tak diperoleh, peruntukan untuk hutang ragu, pelunasan bersih premium dalam pelaburan dan perbezaan sementara lain setakat yang keuntungan yang boleh dicukai mungkin didapati di mana faedah boleh digunakan terhadapnya, pertimbangan pengurusan yang ketara diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf berdasarkan masa ia mungkin berlaku dan paras keuntungan yang boleh dicukai pada masa depan serta strategi rancangan percukaian masa depan.

Jumlah nilai buku peruntukan untuk penghausan nilai pelaburan yang diiktiraf, rizab premium tak diperoleh, peruntukan untuk hutang ragu, pelunasan premium bersih dalam pelaburan dan perbezaan sementara lain bagi Kumpulan ialah RM 10,587,000 (2006 : RM8,300,000).

## Nota-nota kepada Penyata Kewangan

– 31 Mac 2007

## 3. Hartanah, Loji dan Peralatan

Kumpulan	Tanah	Bangunan	Peralatan	Perabot,	Kenderaan	Jumlah
	Pegangan			Kelengkapan		
	Bebas	RM'000	Komputer	Pejabat	Bermotor	RM'000
	RM'000		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>Kos</b>						
Pada 1 April 2005	15,886	94,137	5,246	14,941	1,942	132,152
Tambahan	–	–	915	2,630	–	3,545
Penjualan	–	–	(9)	(175)	(509)	(693)
Hapus kira	–	–	–	(198)	–	(198)
Pada 31 Mac 2006	15,886	94,137	6,152	17,198	1,433	134,806
Tambahan	–	–	1,038	2,754	271	4,063
Jualan	–	–	–	(125)	(60)	(185)
Hapus kira	–	–	(4)	(205)	–	(209)
Pada 31 Mac 2007	<b>15,886</b>	<b>94,137</b>	<b>7,186</b>	<b>19,622</b>	<b>1,644</b>	<b>138,475</b>
<b>Susut Nilai Berkumpul</b>						
Pada 1 April 2005	–	–	3,018	11,927	687	15,632
Caj bagi tahun semasa	–	–	1,673	898	365	2,936
Jualan	–	–	(4)	(173)	(398)	(575)
Hapus kira	–	–	–	(84)	–	(84)
Pada 31 Mac 2006	–	–	4,687	12,568	654	17,909
Caj bagi tahun semasa	–	2,103	1,094	1,287	325	4,809
Jualan	–	–	–	(126)	(60)	(186)
Hapus kira	–	–	(4)	(102)	–	(106)
Pada 31 Mac 2007	<b>–</b>	<b>2,103</b>	<b>5,777</b>	<b>13,627</b>	<b>919</b>	<b>22,426</b>
<b>Nilai Buku Bersih</b>						
Pada 31 Mac 2007	<b>15,886</b>	<b>92,034</b>	<b>1,409</b>	<b>5,995</b>	<b>725</b>	<b>116,049</b>
Pada 31 Mac 2006	15,886	94,137	1,465	4,630	779	116,897

Nilai buku bagi bangunan yang terletak di atas tanah pajakan pada 31 Mac 2007 berjumlah RM19,264,000 (2006: RM19,726,000).

Syarikat	Peralatan	Perabot,	Kenderaan	Jumlah
	Komputer	Kelengkapan	Bermotor	
	RM'000	Peralatan	RM'000	RM'000
		Pejabat	RM'000	RM'000
<b>Kos</b>				
Pada 1 April 2005	7,732	11,546	1,533	20,811
Dipindahkan ke anak syarikat (Nota 8(a))	(7,732)	(11,546)	(1,533)	(20,811)
Pada 31 Mac 2006 / 31 Mac 2007	–	–	–	–
<b>Susut Nilai Berkumpul</b>				
Pada 1 April 2005	5,941	10,883	506	17,330
Dipindahkan ke anak syarikat (Nota 8(a))	(5,941)	(10,883)	(506)	(17,330)
Pada 31 Mac 2006 / 31 Mac 2007	–	–	–	–
<b>Nilai Buku Bersih</b>				
Pada 31 Mac 2006 / 31 Mac 2007	–	–	–	–

– 31 Mac 2007

